JABATAN PERTANIAN
LEMBARAN INTEGRITI
EDISI 7/2022



# SUDAHKAH ANDA MENGISYTIHARKAN HARTA DALAM SISTEM HRMIS?

Semua Penjawat Awam dikehendaki mengisytiharkan harta apabila :

- Lantikan Pertama Dalam Perkhidmatan Awam
- Dikehendaki oleh Kerajaan
- Memperolehi Harta Tambahan
- Melupuskan Harta
- Setiap Lima (5) Tahun Sekali

## 1. GARIS PANDUAN PELAKSANAAN PROGRAM PEMBANGUNAN PERTANIAN KOMUNITI (PPPK)



KEGUNAAN PEJABAT SAHAJA

GARIS PANDUAN PELAKSANAAN PROGRAM PEMBANGUNAN PERTANIAN KOMUNITI (PPPK)

26 SEPTEMBER 2022

- Garis panduan ini disediakan sebagai rujukan utama kepada pegawai Jabatan Pertanian yang terlibat dalam pelaksanaan Program Pembangunan Pertanian Komuniti (PPPK). Ia berkuatkuasa bermula tarikh diluluskan sehingga pindaan selanjutnya dilakukan mengikut kaedah dan tatacara yang telah ditetapkan oleh Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI).
- Pelaksanaan PPPK dilihat sebagai amalan mampan kerana ia memberi manfaat dari aspek sosial, ekonomi dan persekitaran kawasan. Pelaksanaannya akan menyokong usaha kerajaan untuk memastikan bekalan makanan negara mencukupi, berkualiti dan selamat dimakan selaras dengan Dasar Agromakanan Negara (DAN).
- Penyediaan garis panduan ini diharap dapat memastikan pelaksanaan program ini dijalankan secara teratur dan telus bagi memberi impak yang maksimum kepada golongan sasar.

Maklumat lanjut mengenai perkara ini boleh diperolehi di Portal Rasmi Jabatan Pertanian :
*http://www.doa.gov.my/index/resources/aktiviti_sumber/sumber_warga/garis_panduan_PPPKomuniti.pdf*

## 2. GARIS PANDUAN KAEDAH PENJIMATAN TENAGA DI PEJABAT DAN PREMIS JABATAN PERTANIAN MALAYSIA



JABATAN PERTANIAN MALAYSIA

ARAHAN KETUA PENGARAH PERTANIAN
BIL. 1 TAHUN 2022

Semua Pengarah Bahagian
Semua Ketua Pusat Tanggungjawab (PTJ)
Semua Pegawai Pertanian Kuassusaha (K/U)

GARIS PANDUAN KAEDAH PENJIMATAN TENAGA DI PEJABAT DAN PREMIS JABATAN PERTANIAN MALAYSIA

1.0 TUJUAN

Arahan ini dikeluarkan untuk memaklumkan kepada bahagian dan cawangan bahagian di negeri mengenai pelaksanaan kaedah penjimatan tenaga di semua bangunan kerajaan sebagai langkah pengurangan perbelanjaan kos utiliti kerajaan.

2.0 LATAR BELAKANG

Penjimatan penggunaan tenaga boleh dicapai melalui penggunaan tenaga secara cekap dan efisien. Sehubungan itu, bagi merealisasikan perkara tersebut, beberapa panduan kecekapan penggunaan tenaga di pejabat perlu dilaksanakan di setiap bahagian dan cawangan bahagian di negeri.

3.0 LANGKAH-LANGKAH MENGURANGKAN KOS UTILITI JABATAN

Bagi mengurangkan kos utiliti secara efisien, langkah-langkah penjimatan perlu sentiasa diamalkan dan dipatuhi sepenuhnya oleh semua warga Jabatan.

- Arahan ini dikeluarkan untuk memaklumkan kepada bahagian dan cawangan bahagian di negeri mengenai pelaksanaan kaedah penjimatan tenaga di semua bangunan kerajaan sebagai langkah pengurangan perbelanjaan kos utiliti kerajaan.
- Ketua Jabatan/ Penyelia Pejabat hendaklah memaklumkan kepada semua kakitangan di bawah seliaan masing-masing mengenai langkah-langkah penjimatan yang telah digariskan dalam arahan ini.

Maklumat lanjut mengenai perkara ini boleh diperolehi dengan merujuk :
*Arahan Ketua Pengarah Pertanian Bil. 1 Tahun 2022 bertarikh 27 Mei 2022*

## 3. SURAT PERINGATAN KEPADA KETUA JABATAN BERKENAAN TANGGUNGJAWAB MENGUTIP HUTANG BAKAL PESARA KEPADA KERAJAAN SEBELUM PEGAWAI DILULUSKAN PERSARAAN



KETUA PENGARAH PERKHIDMATAN AWAM
DIRECTOR GENERAL OF PUBLIC SERVICE
Jabatan Perkhidmatan Awam Malaysia
Public Service Department, Malaysia
Aras 13, Blok C1, Kompleks C
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62510 W.P. PUTRAJAYA
MALAYSIA

Ruj. Kami : JPA.800-1/5/1(1)
Tarikh : 9 Mei 2022

Semua Ketua Setiausaha Kementerian
Semua Ketua Jabatan Persekutuan
Semua Pentadbiran Setiausaha Kerajaan Negeri
Semua Ketua Badan Berkanun Persekutuan / Negeri
Semua Pihak Berkuasa Tempatan

YB/ YBhg. Tan Sri/ Datuk Seri/ Dato' Seri/ Datuk/ Dato'/ Tuan/ Puan,

SURAT PERINGATAN KEPADA KETUA JABATAN BERKENAAN TANGGUNGJAWAB MENGUTIP HUTANG BAKAL PESARA KEPADA KERAJAAN SEBELUM PEGAWAI DILULUSKAN PERSARAAN

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara yang tersebut di atas dan Surat Edaran Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) rujukan JPA/PEN/144/36 Jld.2(2) bertarikh 31 Oktober 2016 adalah berkaitan.

2. Untuk makluman YB/ YBhg. Tan Sri/ Datuk Seri/ Dato' Seri/ Datuk/ Dato'/ Tuan/ Puan, semakan JPA mendapati permohonan potongan pencen bagi menyelesaikan hutang pesara dari Kementerian/ Jabatan/ Agensi semakin meningkat. Sehubungan dengan itu, JPA ingin memberi peringatan kepada semua Ketua Jabatan untuk mengambil tindakan yang sewajarnya sebelum mengemukakan permohonan persaraan bakal pesara ke Kumpulan Wang Persaraan Diperbadankan (KWAP). Jabatan

- Hasil semakan JPA mendapati permohonan potongan pencen bagi menyelesaikan hutang pesara kerajaan semakin meningkat.
- JPA ingin memberi peringatan kepada semua Ketua Jabatan untuk mengambil tindakan yang sewajarnya sebelum mengemukakan permohonan persaraan bakal pesara ke Kumpulan Wang Persaraan Diperbadankan (KWAP).

Maklumat lanjut mengenai perkara ini boleh diperolehi dengan merujuk :
*Surat JPA.800-1/5/1(1) bertarikh 9 Mei 2022*